

0601

B 8022 AAB
MAHATHIR - PENSWASTAAN R'R'R'

PELABUHAN KELANG, 4 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MEMBERI AMARAN KEPADA SEMUA PIHAK SUPAYA MENGELAKKAN DIRI DARIPADA MELAKUKAN SESUATU YANG BOLEH MENGGANGGU KELICINAN PENINGKATAN PERKHIDMATAN DI PELABUHAN KELANG.

KATANYA, USAHA-USAHA MENSWASTAKAN KESELURUHAN OPERASI DI PELABUHAN KELANG BERTUJUAN MENJADIKAN PERKHIDMATAN DI PELABUHAN ITU LEBIH CEKAP DAN SETANDING DENGAN PELABUHAN-PELABUHAN LAIN DI DUNIA DAN JIKA RANCANGAN ITU GAGAL, SEMUA PIHAK, TERMASUK KERAJAAN DAN PEKERJA AKAN MENANGGUNG KERUGIAN.

+JANGANLAH KITA BERBUAT SESUATU YANG MENGHALANG PERKEMBANGAN KITA KE ARAH MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU KERANA AKHIRNYA KITA JUGA YANG AKAN MENJADI MANGSA AKIBAT HALANGAN YANG KITA LAKUKAN ITU,+ KATANYA SEMASA MELANCARKAN PERAYAAN JUBLI PERAK LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK) DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APA YANG DIKEHENDAKI OLEH PARA PENGGUNA PELABUHAN SEKARANG IALAH KEPANTASAN PENGENDALIAN KARGO DI SESEBUAH PELABUHAN TANPA DIBEBANKAN DENGAN PROSEDUR DAN SISTEM PENGURUSAN KARGO YANG MENYUKARKAN.

+HARI INI, SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PENGIMPORT DAN PENGEXPORT MALAYSIA MASIH MENYALURKAN KARGO MEREKA MELALUI PELABUHAN ASING,+ KATANYA, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA AMALAN ITU BUKAN KERANA KURANGNYA KEMUDAHAN PELABUHAN DI NEGARA INI TETAPI KERANA KEKURANGAN KECEKAPAN YANG TERDAPAT PADA SISTEM PENGENDALIAN KARGO DI PELABUHAN MALAYSIA BERBANDING DENGAN PELABUHAN DI NEGARA JIRAN. -- LAGI
2055MST 04 09 88

0602

B 8023 AAB
MAHATHIR - PENSWASTAAN 2 PELABUHAN KELANG R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN LEBIH MEMEKANKAN KEPADA PENYATUAN DAN PENGUKUHAN KEMUDAHAN DI PELABUHAN DAN TIDAK LAGI MEMBINA KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR UNTUK MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN OPERASI PELABUHAN DALAM USAHA MENGGALAKKAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MELALUI PELABUHAN SENDIRI.

KATANYA, SEMENTARA BELIAU BERBANGGA KERANA PELABUHAN KELANG DAN PELABUHAN PULAU PINANG TELAH PUN MENGAJAI SEMULA PROSEDUR DAN MEMPERKENALKAN DOKUMENTASI-DOKUMENTASI BARU YANG LEBIH MEMUDAHKAN PERDAGANGAN DAN URUSAN KENDALIAN KARGO DI PELABUHAN, DAN BELIAU MENGGESA PELABUHAN-PELABUHAN LAIN YANG SEDANG MENGAJAI SEMUA DOKUMENTASI PERDAGANGAN MEREKA SUPAYA MEMPERKENALKANNYA SECEPAT MUNGKIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGAJAK PENGURUSAN PELABUHAN DI NEGARA INI SUPAYA SAMA-SAMA MENGAMALKAN SIKAP DINAMIS, AGRESIF DAN INOVATIF DALAM USAHA MEREKUT PELUANG UNTUK MEMPERBAIKI PERKHIDMATAN MEREKA DAN EKONOMI NEGARA DENGAN MEMPRAKTIKKAN TEKNOLOGI TERBARU DALAM INDUSTRI PELABUHAN DAN MARITIM.

KATANYA, PENGURUSAN PELABUHAN TIDAK BOLEH MENUMPUN PERHATIAN SEMATA-MATA KEPADA PENTADBIRAN DAN OPERASI PELABUHAN TETAPI PERLU JUGA MELIBATKAN DIRI DENGAN ISU PENGANGKUTAN DAN PEKA KEPADA KEPERLUAN-KEPERLUAN PENGANGKUTAN KERANA PELABUHAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA RANKAIAN PENGANGKUTAN.

BELIAU BERBANGGA KERANA LEMBAGA PELABUHAN KELANG TELAH DAPAT MENUBUHKAN SATU PASUKAN PETUGAS BAGI MENGAJAI CARA-CARA MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGANGKUTAN KONTENA DAN MENGHAPUS KESESAKAN KONTENA DALAM TEMPOH JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG. -- LAGI
2058MST 04 09 88

0603

B 8024 AAB

MAHATHIR - PENSWASTAAN 3 PELABUHAN KELANG R'R'R'

KATANYA, KERAJAAN SEDANG MENGAWASI KESESAKAN KONTENA DI PELABUHAN KELANG DAN JEMAAH MENTERI BARU-BARU INI BERSETUJU MEMBENARKAN KETIGA-TIGA SYARIKAT PENGANGKUTAN KONTENA BEROPERASI DI SELURUH NEGARA DENGAN HARAPAN MENAMBAH KEMUDAHAN PENGANGKUTAN KONTENA KELUAR MASUK PELABUHAN.

BELIAU BERKATA KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) JUGA TELAH DIBENARKAN MENJADI AGEN PENGHANTARAN BARANGAN YANG MEMBOLEHKAN KTM MENGHUBUNGI PARA PENGGUNA TANPA MELALUI SYARIKAT PENGANGKUTAN KONTENA.

DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENGESYORKAN SUPAYA PENGURUSAN PELABUHAN DI NEGARA INI MEMPERTINGKATKAN USAHA MENGENALPASTI DAN MENGUMPULKAN TENAGA MAHIR DARIPADA KALANGAN RAKYAT TEMPATAN DALAM BIDANG PENGURUSAN PELABUHAN SUPAYA NEGARA DAPAT MENGURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA PAKAR-PAKAR ASING YANG SELALUNYA DIBAYAR DENGAN KOS YANG TINGGI.

SEBELUM ITU, FERDANA MENTERI MEMBALAS TABIK HORMAT DARIPADA KIRA-KIRA 1,000 ORANG PESERTA PERARAKAN YANG TERDIRI DARIPADA PARA PEGAWAI PELBAGAI JABATAN DI BAWAH LEMBAGA PELABUHAN KELANG, KELANG CONTAINER TERMINAL SDN BHD (KCT) DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG LAIN DAN SWASTA YANG TERLIBAT DENGAN OPERASI PENGENDALIAN KARGO DI PELABUHAN KELANG.

BELIAU KEMUDIAN DIBAWA MENAIKI SEBUAH KAPAL KARGO YANG BERLABUH DI DERMAGA 21 PELABUHAN UTARA DAN MENARIK SEBUAH TUIL YANG MEMBUKA PINTU KECIL DI DEK KAPAL TERSEBUT UNTUK MELEPASKAN KE UDARA 1,000 BELON SEBAGAI TANDA PERLANCARAN PERAYAAN JUBLI PERAK LEMBAGA PELABUHAN KELANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA KEMUDIAN MENYAKSIKAN PERARAKAN LAUT YANG DISERTAI OLEH LEBIH 30 BOT PELABUHAN YANG TERLIBAT DALAM OPERASI HARIAN TERDIRI DARIPADA BOT TUNDA, BOT PEMANDU KAPAL, BOT PEMADAM KEBAKARAN DAN BOT PENYELAMAT SERTA BOT-BOT DARI JABATAN LAUT. -- BERNAMA

2101MST 04 09 88